

121 pelajar Sains Sukan UMS sertai Pameran Poster dan Inovasi

NST 16.5.2019 14

KOTA KINABALU: Pelajar Tahun 2 Program Sains Sukan, Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan program pameran Poster dan Inovasi (Sees) kali ke-7 di fakulti itu, di sini, baru-baru ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan FPP, pameran itu yang bertemakan "Creativity and Innovation Leads to Higher Level of Thinking" antara lain bertujuan memberi peluang kepada para pelajar yang mengambil program Sains Sukan membentangkan hasil kerja kursus yang berbentuk penyelidikan dan inovasi.

"Pameran ini telah menarik 121 penyertaan yang terbahagi kepada lima kategori iaitu kategori Analisis Kemahiran (Kinematik) seramai 34 pelajar, kategori Analisis Pertandingan 34 pelajar, Identifikasi dan Perkembangan Bakat seramai 74 pelajar.

"Penyertaan itu juga menyaksikan lima peserta jempunan daripada pelajar sarjana dan lapan pelajar

tahun akhir yang berada di bawah penyeliaan pensyarah Sains Sukan FPP UMS, Dr. Pathmanathan Suppiah K. Suppiah," demikian menurut kenyataan tersebut.

Tambah kenyataan itu, program tersebut juga sekaligus menerapkan tatacara penyelidikan dan penyelesaian masalah berasaskan pemikiran saintifik yang diharapkan dapat membuka minda pelajar dalam menghasilkan kreativiti dan kesenian serta menerapkan pemikiran kritis.

Dalam masa sama, ia juga diharapkan dapat menjadi medium terbaik dalam mewujudkan siswa-siswi kelas pertama dengan cetusan idea-idea bernas yang mampu menyumbang kepada pembangunan industri sukan di Malaysia.

Majlis perasmiannya diempurnakan Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) FPP, Dr. Denis Andrew D. Lajium.

Hadir sama, Dr. Pathmanathan selaku Penasihat Program Pameran Poster Sees kali ke-7.